

07 OCT 1999

Sukan-F1 (Tiket)

TIKET F1, JANGAN TUNGGU SAAT AKHIR, KATA BASIR

SEPANG, 7 Okt (Bernama) -- Pengerusi Sepang International Circuit (SIC) Tan Sri Basir Ismail berkata, sikap rakyat Malaysia yang gemar membuat sesuatu di saat-saat akhir mungkin antara sebab mengapa jualan tiket-tiket F1 lembap.

"Bagi kawasan berdiri, hanya lima ribu tiket sahaja telah dijual sehingga ini sedangkan kawasan itu boleh memuatkan sehingga 30 ribu penonton," katanya.

Sebagaimana yang terjadi pada Sukan Komanwel tahun lepas, kelembapan jualan tiket mungkin kerana penonton tempatan mengambil sikap tunggu dulu," katanya bagi mengulas kelembapan penjualan tiket Formula Satu Petronas Malaysia di sini, hari ini.

Sementara itu, Basir berkata beliau berpuashati dengan persiapan yang sedang dijalankan bagi perlumbaan itu yang akan berlangsung dari 15 hingga 17 Okt ini.

"Semuanya berjalan lancar kecuali pelarasan masa bagi pertunjukkan pembukaan yang harus diperbaiki," katanya di SIC pagi ini, selepas menyaksikan raptai kedua pertunjukkan pembukaan itu yang akan dipersembahkan di majlis perasmian pada 17 Okt nanti.

Pelarasan waktu iaitu tempoh persembahan serta kesinambungan antara persembahan adalah penting memandangkan berjuta-juta penonton dari dalam dan luar negara akan menonton siaran majlis pembukaan itu nanti.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kejohanan itu nanti.

Seramai 500 juta penonton seluruh dunia dijangka menonton siaran langsung majlis perasmian itu di 260 negara.

Antara pertunjukkan pembukaan yang akan dipersembahkan dalam acara dua jam setengah bermula 11 pagi itu termasuk persembahan tarian kebudayaan oleh kumpulan penari panggung negara, pertunjukkan tatu dari Kor Polis Tentera Diraja serta acara payung terjun oleh 60 anggota tentera daripada Kem Sungai Udang Melaka.

Juga acara menarik adalah perbarisan kereta klasik (vintage) serta pertunjukkan udara oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Basir kemudiannya menyeru peminat yang ingin hadir di SIC pada hari-hari kejohanan supaya membeli tiket sekarang juga memandangkan hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi untuk acara yang dinanti-nantikan itu.

-- BERNAMA

NHZ PR